

TERJEMAHAN METAFORA DALAM NOVEL *MAJDULIN KARYA AL- MANFALUTI*

**Muhammad Anwar bin Ahmad, IIUM
Nursafira Lubis Safian, IIUM**

ABSTRAK

Penterjemahan metafora sering dikira sebagai salah satu masalah ketidakbolehan menterjemah. Hal ini kerana metafora umumnya terkait dengan sesuatu secara tidak langsung. Oleh yang demikian ia rumit dan sukar diterjemah. Metafora juga dipengaruhi oleh budaya. Maka, penterjemah harus teliti dalam penterjemahan metafora. Justeru, kajian ini menfokuskan kepada aspek terjemahan metafora dari bahasa Arab ke bahasa Melayu yang terdapat dalam novel Majdulin karya Mustafa Lutfi al-Manfaluti terjemahan Adli Yaacob. Objektif utama kajian ialah menganalisis kaedah terjemahan yang sesuai bagi penterjemahan metafora dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu bagi teks novel. Ini dilakukan melalui kaedah dan pendekatan penterjemahan metafora yang dikemukakan oleh Peter Newmark. Data kajian ini diambil dari teks novel Majdulin oleh al-Manfaluti yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Adli Yaacob terbitan IIUM Press tahun 2020.

PENGENALAN

Kertas kerja ini menyentuh bidang terjemahan kesusasteraan. Secara khususnya perbincangan yang dikemukakan dalamnya berkaitan dengan penterjemahan metafora dalam teks novel Majdulin karya Mustafa Lutfi al-Manfaluti. Al-Manfaluti sasterawan dan penyair besar kelahiran Mesir terkenal dengan gaya bahasanya yang unik, indah dan halus. Beliau telah menterjemah beberapa novel Perancis dengan gaya bahasa tersendiri yang tinggi dan menarik sekalipun tidak mahir berbahasa Perancis. Salah sebuah karya terjemahannya yang hebat dan masyhur ialah Majdulin. Novel ini mendapat sambutan luar biasa oleh para sasterawan, pengkritik dan pengkaji. Sekalipun merupakan karya terjemahan namun ia sarat dengan nilai sastera yang tinggi dan gaya bahasa yang indah dan tersendiri. Antara gaya bahasa yang termuat dalamnya ialah metafora.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dari perspektif teoretis, sarjana kini telah memperlihatkan kesungguhan dan minat yang lebih jitu tentang bagaimana untuk menangani serta menghadapi isu dan cabaran metafora dalam konteks terjemahan. Anjakan yang ketara sudah jelas disuarakan bahawa metafora tidak seharusnya dijelmakan dalam bahasa yang literal sahaja dalam konteks terjemahan. Malah, suara, gema, kesan dan impak metafora harus turut lantang dalam teks terjemahan sebagaimana teks asalnya (Syed Nurul Akla Syed Abdullah, 2006). Fokus dan tumpuan yang lebih terhadap metafora akan meningkatkan lagi kefahaman kita tentang sifat terjemahan itu sendiri dan bagaimana penterjemah khususnya penterjemah kesusastraan mempraktikkan kesenian dan kemahiran mereka. Begitu juga tumpuan terhadap metafora akan menjelaskan lagi hubungan yang sememangnya rapat antara terjemahan dengan identiti dan pembentukan budaya dalam kehidupan (Syed Nurul Akla Syed Abdullah, 2006).



OBJEKTIF KAJIAN

01



Mengenal pasti perkatan-perkataan metafora dalam novel Majdulin.

02



Menganalisis kaedah dan tatacara terjemahan metafora dalam teks pilihan novel Majdulin berdasarkan prosedur yang dikemukakan oleh Peter Newmark





DEFINISI



Metafora

Metafora ialah satu bentuk kiasan atau analogi yang melambangkan sesuatu bagi suatu yang lain, bagi menyarankan bahawa antara kedua-duanya terdapat persamaan. Metafora adalah unsur biasa dalam kesusastraan. Lantaran pengarang gemar menyebut nama sesuatu benda untuk melambangkan sifat, keadaan atau rupa watak manusia atau mengenai sesuatu perkara. Berbeza dengan simile, metafora tidak menggunakan kata-kata bandingan: “seperti”, “macam”, “bagai” atau “umpama” (Safian Hussain, 2017:188-189).

METODOLOGI KAJIAN

01

Mendatangkan
padanan metafora
secara lafaz dan
makna

02

Penggantian
bentuk metafora
dengan bentuk
metafora lain

Penterjemahan
metafora dengan
perbandingan

03

Penterjemahan
metafora dengan
perbandingan
campur maksud

04

METODOLOGI KAJIAN

05

Penukaran metafora
kepada pengertian

07

Metafora yang sama
digabungkan dengan
pengertian

06

Pelesapan

ANALISIS DATA

Contoh I:

إنّ أشجار الربيع قد بدأت تبتسّم عن أزهارها.

Terjemahan:

Pepohon musim bunga sudah mula berbunga. (al-Manfaluti, 2020:I)

Dalam contoh ini perkataan تبتسّم(senyum) merupakan retorik metafora *al-isti'arah* yang membawa maksud berkuntum tumbuh dan mekar. Dalam terjemahan Melayu dapat dilihat bahawa penterjemah mengguna pakai kaedah keenam iaitu pelesapan. Perkataan metaforik Arab dilesapkan bersama-sama komponen pengertiannya. Kekuatan retorik metafora dalam teks bahasa Arab telah dihilangkan dengan berpada kepada makna sahaja. Ini bermakna kehilangan sebahagian daripada unsur retorik telah berlaku.

ANALISIS DATA

Contoh 2:

وأن النسيم العليل يحمل إليّ في غرفتي، هذه الساعة التي أكتب إليك فيها،
شذى أول زهرة من زهارات البنفسج.

Terjemahan:

Angin lembut yang menyapa diriku di bilik saat aku menulis warkah ini kepada kamu menghembus haruman daripada bunga violet. (al-Manfaluti, 2020: 1)

Dalam ayat ini, metafora bahasa sumber perkataan يحمل digantikan dengan bentuk metafora lain bahasa sasaran yang juga berkesan iaitu “menyapa” dan “menghembus”. Dari aspek teknik terjemahan, penterjemah menggunakan pendekatan terjemahan semantik. Kaedah ini bertepatan dengan tatacara kedua dalam menterjemah metafora yang diusulkan oleh Newmark iaitu penggantian bentuk metafora dengan bentuk metafora lain.

ANALISIS DATA

Contoh 3:

فإنني أشعر أن الحياة مظلمة قائمة.

Terjemahan:

Aku merasakan hidup ini gelap gelita.

Metafora yang terdapat dalam teks novel ini ialah kalimah مظلمة قائمة yang diterjemahkan dengan “gelap gelita”. Di sini kesempitan, kesusahan dan kepayahan hidup diumpamakan seperti keadaan dan suasana yang gelap gelita tanpa cahaya yang boleh membantu seseorang untuk bergerak dan mara. Dari aspek terjemahan penterjemah mengaplikasikan pendekatan terjemahan semantik dengan mengekalkan makna asal perkataan tersebut. Tatacara ini bertepatan dengan pendekatan Newmark yang pertama iaitu mendatangkan padanan metafora secara lafaz dan makna.

ANALISIS DATA

Contoh 4:

يقولون إنّ فصل الربيع فصل الحب، وإنّ العواطف تضطرم فيه اضطراما.

Terjemahan:

Orang kata, musim bunga itu musim percintaan. Perasaan yang lembut sentiasa bernyala dan marak.

Dalam ayat ini, metafora bahasa sumber terletak pada perkataan yang yang diberikan padanan metafora secara lafaz dan makna dalam bahasa sasaran iaitu bernyala dan marak. Ia adalah strategi terjemahan metafora yang pertama seperti yang diusulkan oleh Newmark.

ANALISIS DATA

Contoh 5:

فَغُفرانك اللّهُمَّ وَرَحْمَتكَ، فَإِنِّي مَا اعْتَرَفْتُ بِجَمِيلِكَ، وَلَا أَحْسَنْتُ الْقِيَامَ بِشَكْرِ أَيْدِيكَ.

Terjemahan:

Ya Tuhaniku, ampunilah segala dosa, serta rahmatilah diriku ini. Aku tidak pernah mengakui nikmat-Mu, dan aku juga tidak pernah melakukan kebajikan sebagai tanda mensyukuri segala nikmat yang Engkau kurniakan kepadaku.

Dalam ayat ini, metafora terletak pada perkataan **أَيْدِيك** yang bermakna secara literal “tangan-tangan-Mu”. Kekuatan impak metafora ini nampaknya tidak dapat dikekalkan dalam terjemahan. Terjemahan Melayu memilih untuk menghuraikan makna justeru tidak dapat mengekalkan tesktur retorik metafora tersebut. Dilihat di sini metafora telah diterjemahkan kepada bukan metafora. Ia adalah tatacara kelima

KESIMPULAN

01


Penterjemah novel Majdulin menggunakan pelbagai teknik dalam memilih padanan terjemahan metafora yang terdapat dalam novel tersebut. Secara asasnya teknik terjemahan katawi (literal) dan maknawi telah diaplikasikan.

02

Kaedah dan tatacara terjemahan yang digunakan juga mengikut sebahagian prosedur yang diusulkan dan dikemukakan oleh Peter Newmark.

03

Terdapat metafora yang diterjemahkan kepada bukan metafora iaitu terpaksa ditukarkan kepada pengertian disebabkan oleh unsur percanggahan dengan isu agama dan akidah serta budaya bahasa sasaran.



شکرا جزیلا

بارک الله فیکم

